

Serang saksi: Najib diberi amaran keras

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Gara-gara 'menyerang' saksi pendakwaan yang juga bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak diberi amaran keras oleh Mahkamah Tinggi di sini berikutan tindakannya itu.

Hakim Collin Lawrence Sequerah ketika membaca penghakiman ringkasnya menyatakan Ahli Parlimen Pekan itu tidak sepatutnya mengeluarkan sebarang kenyataan berkaitan perbicaraan kes penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sejumlah RM2.28 bilion seolah-olah perbicaraan itu dilaksanakan di domain awam.

"Kenyataan yang dibuat oleh Tan Sri Zeti tidak membolehkan tertuduh untuk membalasnya di Facebook. Apa yang dilakukan oleh tertuduh dalam hantaran di laman sosialnya secara keseluruhan merupakan satu bentuk serangan terhadap saksi.

"Sehubungan itu, Mahkamah mengeluarkan satu amaran keras terhadap tertuduh agar tidak mengulangnya semula. Mahkamah akan mengambil tindakan sewajarnya bagi menjaga integriti mahkamah," ujarnya.

Hakim Sequerah membuat keputusan tersebut selepas



NAJIB RAZAK

mendengar hujah daripada pendakwaan yang dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib dan peguam bela, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib.

Selasa lalu, Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram memohon mahkamah mengeluarkan amaran keras terhadap Najib selepas tertuduh berkenaan telah memuat naik hantaran di akaun Facebook miliknya pada 29 Disember lalu.

Hantaran tersebut antara lain mengaitkan Zeti dan ahli keluarganya menerima wang sejumlah RM100 juta daripada ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low.

Terdahulu, Ahmad Akram menghujahkan kenyataan yang dibuat oleh Zeti dalam satu temuramah yang diterbitkan di portal euromoney.com hanya memfokuskan mengenai ekonomi.

"Tiada mana-mana bahagian dalam artikel terbabit yang menjerus kepada serangan peribadi terhadap Najib. Artikel kedua yang diterbitkan di theedgemarkets.com pula merupakan maklum balas terhadap kenyataan yang dibuat oleh tertuduh dalam satu temu ramah mengenai dirinya.

"Ini jelas merupakan satu tindakan menghina mahkamah. Kami memohon agar mahkamah memberikan amaran kepada tertuduh agar perkara ini tidak berulang kembali. Tindakan tertuduh seolah-oleh memperlekehkan pentadbiran perundangan," kata Ahmad Akram.

Sementara itu, Muhammad Shafee menghujahkan, hantaran yang dibuat oleh Najib adalah sebagai membalas kepada kenyataan yang dibuat oleh Zeti dalam artikel-artikel tersebut.

"Salah satu temubual telah disiarkan di theedgemarkets.com pada 3 Julai 2018 dan Zeti terus menyerang anak guam saya sehari sebelum Najib didakwa di mahkamah bagi pertuduhan membabitkan SRC International Sdn. Bhd.